

# 'TIADA SIAPA BOLEH HINA KITA'

Oleh Douglas Tay

**S**UBANG 18 Mac 1983 — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang pulang ke tanahair dari Eropah petang ini disambut oleh lebih 5,000 orang rakyat menegaskan bahawa maruah negara hanya boleh ditebus dengan usaha setiap rakyat dari yang kecil hingga yang besar.

Perdana Menteri berkata: "Kalau kita adalah bangsa yang tahu dan boleh berusaha, mengenali amalan yang baik dan buruk, sudah tentu kita akan bermaruah tinggi dan tidak ada siapa yang boleh menghina kita," disambut tepukan gemuruh mereka yang hadir.

Beliau berucap demikian di hadapan khalayak ramai yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum, tua dan muda yang telah menunggu di lapangan terbang antarabangsa di sini sejak pukul 4 petang tadi. Kapal terbang yang membawa Perdana Menteri tiba tepat jam 6.02 petang.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah berlepas ke New Delhi awal bulan ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara Berkecuali.

Pada 9 Mac lalu beliau berbincang secara tidak rasmi dengan Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher, di London mengenai berbagai isu dua hala, khususnya hubungan kedua negara yang merosot sejak dua tahun lalu.

Selepas menghadiri konvensyen anak lelakinya di London, pada 11 Mac, Perdana Menteri dan isteri, Datin Sri Dr. Siti Hasmah, telah bercuti rehat di Eropah.

Sambutan besar-besaran di lapangan terbang petang ini adalah anjuran Perhubungan UMNO Selangor dengan disertai oleh anggota-anggota komponen Barisan Nasional, pertubuhan-pertubuhan pelajar dan belia.

Pengerusi jawatankuasa sambutan, Encik Onn Ismail, yang juga Setiausaha Perhubungan UMNO Selangor, menyatakan upacara istimewa itu adalah untuk menyambut kepulauan pemimpin yang telah berjaya menegakkan maruah Malaysia di arena politik antarabangsa.

Kain-kain pemedang yang dipasang di sekitar lapangan terbang petang ini juga membawa cogan-cogan kata seperti 'Selamat Pulang Perwira Negara' dan 'Imej Malaysia telah dipertingkatkan di peringkat antarabangsa oleh Datuk Sri Dr. Mahathir.

Berucap mengenai tema maruah negara itu lagi, Perdana Menteri menegaskan bahawa sekiranya semua rakyat benar-benar bersyukur untuk mengembalikannya maruah, setiap orang dari yang sekecil-kecilnya hingga yang sebesar-besarnya mestilah berusaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang cukup kuat.

"Kuat bukan saja dari segi kekayaan material tetapi juga dari segi rohaniah dan dari segi semua amalan yang baik-baik," tambahnya.

Sebaliknya, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, sekiranya rakyat hanya menuntut maruah dengan mulut saja, 'maka yang akan kita peroleh hanyalah cakap-cakap saja dan bukan maruah yang kita kehendaki'.

Mengenai sambutan yang diberikan kepada beliau sebagai mengalu-alukan kepulangannya ke tanahair, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau merasa berbe-

sar hati.

"Seboleh-bolehnya saya hendak berjabat tangan dengan semua orang yang hadir, dengan begitu ramai hari ini, tetapi memandangkan yang kecil dihipit oleh yang besar yang terus menghampiri saya, saya terpaksa beredar cepat," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian: Sebenarnya setiap kali beliau pulang ke tanahair daripada lawatan ke luar negeri beliau merasa begitu lega daripada berada di negara asing.

"Ini kerana bumi ini begitu bertuah dan kaya. Oleh itu setiap rakyat hendaklah sayang dan cintakan kepada negara ini," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian mengajak hadirin di lapangan terbang supaya memberikan tepukan kepada Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, yang menurutnya 'telah turut menyumbangkan tenaga meninggalkan imej Malaysia di mata dunia luar terutamanya di Sidang Kemuncak Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali di New Delhi. Sekali lagi tepukan gemuruh bergema.

Turut hadir di lapangan terbang ialah anggota-anggota kabinet yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, dan juga Pesuruhjaya Tinggi British ke sini.